



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“PALESTIN: PERJUANGAN TANPA NOKTAH”

Tarikh Dibaca :

**16 SYAWAL 1442H/
28 MEI 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**“PALESTIN: PERJUANGAN TANPA NOKTAH”****16 SYAWAL 1442H / 28 MEI 2021**

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ، قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ، : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ : مِنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ
صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَنْ قَضَى نَحْبَهُ وَمِنْهُمْ مَنْ يَنْتَظِرُ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا

۲۳

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Khatib ingin berpesan kepada diri sendiri dan para jemaah sekalian untuk sama-sama bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan perlindungan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Sebagai solidariti kepada saudara kita di Palestin, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Palestin: Perjuangan Tanpa Noktah”**.

Sidang Jemaah yang dimuliakan,

Dalam usaha kita mengekang penularan Covid-19 ini, khatib ingin terus mengingatkan masyarakat agar menyahut seruan kerajaan supaya mendaftar dalam aplikasi MySejahtera untuk pengambilan suntikan vaksin COVID-19 yang sedang dilaksanakan. Masyarakat hendaklah hadir ke tempat janji temu yang ditetapkan mengikut tarikh dan masa yang diberi. Di samping itu juga, sidang jemaah sekalian diingatkan supaya terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dan dalam masa yang sama terus bertaubat, bermunajat dan memohon kepada Allah SWT agar kita semua terhindar dari wabak Covid-19 yang melanda negara dan dunia ketika ini.

Sidang Jemaah yang dimuliakan,

Palestin merupakan sebuah negara berdaulat yang sebahagian besar rakyatnya terdiri daripada Bangsa Arab beragama Islam. Masjid al-Aqsa yang terletak di Palestin pula merupakan kiblat pertama umat Islam, kemudian ditukarkan ke arah Masjid al-Haram atau Kaabah di Makkatul Mukarramah.

Konflik yang berlaku antara Palestin dan Israel bukanlah suatu perkara baharu dalam lembaran sejarah ketamadunan manusia. Sejak dari penubuhan negara haram Israel pada 15 Mei 1948, kita dapati bahawa konflik tersebut telah berlangsung sejak lebih enam dekad.

Israel telah menjadi negara pengganas selama 73 tahun sejak berlakunya peristiwa Nakbah atau malapetaka pada 15 Mei 1948. Peristiwa ini membawa kepada penubuhan Negara Israel di atas 77 peratus tanah Palestin yang dirampas. Ia juga turut dikaitkan dengan pengusiran 800 ribu rakyat Palestin yang menjadikan mereka sebagai pelarian. Al-Quran telah merakamkan bahawa kaum yahudi merupakan kaum yang paling dahsyat ganasnya dan melampau dalam memerangi para Rasul-Nya. Allah SWT menyatakan dalam Surah al-Baqarah ayat 61:

وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ وَالْمَسْكَنَةُ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِنَ اللَّهِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ
بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّينَ بِغَيْرِ الْحَقِّ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ٦١

Maksudnya: *“Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan, dan sepatutnya mereka mendapat kemurkaan daripada Allah. Hal yang demikian itu, disebabkan mereka kufur (mengingkari) terhadap ayat-ayat Allah (perintah-perintah dan mukjizat-mukjizat yang membuktikan kebesaran-Nya); dan mereka pula membunuh para nabi tanpa sebarang alasan yang benar. Oleh yang demikian, perkara itu berlaku kerana mereka menderhakai Allah dan mereka pula sentiasa melampaui batas”.*

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Isu Palestin merupakan isu besar dan seharusnya menjadi agenda utama umat Islam sejagat. Seluruh dunia Islam hendaklah meletakkan pembebasan bumi Palestin sebagai agenda penting. Setiap umat Islam mempunyai tanggungjawab untuk sama-sama berusaha dengan apa cara sekalipun membantu rakyat Palestin membebaskan tanah air mereka daripada pencerobohan dan penjajahan zionis Israel, terutama sekali Masjid al-Aqsa yang terletak di tanah suci Baitul Maqdis.

Kezaliman yang dilakukan oleh Yahudi mesti dinyatakan bukan semata-mata kerana kesalahan yang mereka lakukan. Tetapi kezaliman itu mesti disebar kepada umum kerana tindakan mereka menyebabkan kesan yang sangat mendalam kepada penduduk Palestin.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Allah SWT berfirman:

مِنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَّنْ قَضَىٰ نَحْبَهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ يَنْتَظِرُ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا ۚ ۲۳

Maksudnya: *“Antara orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar dengan menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan antaranya ada yang sedang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) walaupun sedikit”.* (Surah al-Ahzab ayat 23)

Ayat ini merupakan seruan Allah SWT kepada umat Islam bahawa wajib bangkit untuk berjihad menghadapi musuh yang mencerooboh tanah air dan saudara seagama mereka, di mana-mana sahaja mereka berada dan pada bila-bila masa.

Allah SWT menyeru kepada semua lapisan umat Islam untuk sama-sama terlibat dan bangkit berjihad dengan jiwa dan raga, harta benda, dan kepakaran sama ada golongan muda mahupun tua, miskin ataupun kaya, mengikut kemampuan masing-masing termasuklah dengan berdoa. Hal ini sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Taubah ayat 41:

انْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ٤١

Maksudnya: “Berangkat pergilah kamu secara beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), sama ada dalam keadaan berasa ringan (dan mudah bergerak) mahupun dalam keadaan berasa berat (disebabkan pelbagai tanggungjawab); dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Demikian itu, amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui”.

Pihak kerajaan dan NGO telah melancar tabung-tabung bagi membantu rakyat Palestin yang sedang dalam kesusahan dan penderitaan. Banyak kemusnahan dan kerosakan kediaman, hospital, dan kemudahan-kemudahan awam lain yang disebabkan oleh kerakusan dan keganasan tentera rejim Zionis. Semuanya memerlukan sumbangan daripada kita. Maka, khatib ingin menyeru supaya kita menyumbang walaupun sedikit ke dalam tabung yang diiktiraf sebagai tanda solidariti kita bersama-sama perjuangan rakyat Palestin membebaskan tanah air mereka daripada cengkaman zionis Israel.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Perjuangan membebaskan Palestin merupakan perjuangan yang tidak bernoktah. Selagi rejim Zionis menguasai negara itu, maka selagi itulah setiap umat Islam bertanggungjawab mempertahankannya. Sedarlah bahawa kaum Yahudi tidak akan berhenti menyakiti umat Islam walaupun perjanjian demi perjanjian telah dibuat. Inilah

sikap kaum Yahudi yang disebutkan oleh Allah SWT:

إِنَّ شَرَّ الدَّوَابِّ عِنْدَ اللَّهِ الَّذِينَ كَفَرُوا فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ (٥٥) الَّذِينَ عَاهَدَتْ مِنْهُمْ ثُمَّ يَنْقُضُونَ عَهْدَهُمْ فِي كُلِّ مَرَّةٍ وَهُمْ لَا يَتَّقُونَ (٥٦)

Maksudnya: “Sesungguhnya sejahat-jahat (makhluk) yang melata di sisi (hukum dan ketetapan) Allah ialah orang-orang yang kafir (yang degil dengan kekufurannya). Sebab itu mereka tidak (mahu) beriman. (Iaitu) orang-orang yang engkau telah mengikat perjanjian setia dengan mereka, kemudian mereka mencabuli perjanjian setianya pada tiap-tiap kali, sedang mereka tidak mahu memelihara dirinya (dari keaiban mencabuli perjanjian itu).” (Surah al-Anfal ayat 55 – 56)

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menekankan beberapa intipati yang perlu diberi perhatian iaitu:

Pertama: Negara Palestin merupakan sebuah negara Islam yang berdaulat dan termaktub dalam peta dunia manakala tertubuhnya negara haram Israel ialah dengan cara yang tidak bertamadun pernah dicatatkan dalam lembaran sejarah dunia.

Kedua: Kaum Yahudi sememangnya disebutkan oleh Allah SWT sebagai bangsa yang sering melampau dan sering memungkir janji.

Ketiga: Tiap-tiap umat Islam wajib berusaha mempertahankan bumi Palestin dan mana-mana negara Islam yang ditindas dengan menafkahkan jiwa raga, harta benda dan mendoakan saudara Islam yang lain.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَى تِجَارَةٍ تُنْجِيكُمْ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ۝ ١٠ تَوَاصَوْا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَاهِدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ۝ ١١

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan rasul-Nya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).”. (Surah al-Saff ayat 10-11)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ فِي الْعَالَمِيْنَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ مُّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِيْنَ، وَعَنْ التَّابِعِيْنَ وَتَابِعِيِ التَّابِعِيْنَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِيْنَ.

اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللّٰهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُوَلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغْ ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّيْنِ الْمُصْطَفَى بِاللهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِيْنَ بِاللهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُوَلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونْكُو (Tunku) حَاجَهُ عَزِيْزَةُ أَمِيْنَةُ مِيْمُونَةُ إِسْكَندَرِيَّةُ بِنْتُ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللّٰهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُّطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اللّٰهُمَّ أَنْجِ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِيْنَ الْمُسْتَضْعَفِيْنَ فِيْ فَلَسْطِيْنِ ، اللّٰهُمَّ الطُّفْ بِهِمْ وَارْحَمْهُمْ وَأَخْرِجْهُمْ مِنَ الضِّيْقِ وَالْحَصَارِ ، اللّٰهُمَّ تَقَبَّلْ مِنْهُمْ الشُّهَدَاءَ وَأَشْفِ عَنْهُمْ الْمَرْضَى وَالْجُرْحَى ، اللّٰهُمَّ كُنْ لَهُمْ وَلَا تَكُنْ عَلَيْهِمْ فَإِنَّهُ لَا حَوْلَ لَهُمْ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِكَ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِهِمْ فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ ، اللَّهُمَّ شَتَّتْ شَمْلَهُمْ وَفَرَّقَ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ ، اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدَدًا وَاقْتُلْهُمْ بَدَدًا وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا ، اللَّهُمَّ انْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ عَاوَنَهُمْ بِأَسْكَ الَّذِي لَا يَرُدُّ عَنْ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْحَنَ وَالْفِتَنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .